

SKEMA JAWAPAN
P.AM STPM PENGGAL 1

BAHAGIAN A

1. C
2. A
3. B
4. B
5. B
6. D
7. C
8. C
9. C
10. B
11. D
12. C
13. C
14. D
15. D

BAHAGIAN B

1. – Merdeka
 - Beridentiti
 - Berwibawa
 - Mempunyai Perlembagaan
 - Berkuasa sendiri

2. - Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak
 - Kedaulatan Raja-raja
 - Kewarganegaraan
 - Kedudukan bahasa kebangsaan
 - Penggubahan sempadan antara negeri

3. - Bertitah dalam pembukaan rasmi penggal Parlimen
 - Memanggil mesyuarat Parlimen
 - Menangguhkan penggal Parlimen

4. (a)
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Suruhanjaya Pendidikan
 - Suruhanjaya Kehakiman dan Undang-undang
 - Suruhanjaya Pasukan Polis
 - Majlis Angkatan Tentera

- (b) - Membolehkan sesuatu pentadbiran yang berkaitan hal ehwal awam dilaksanakan dengan adil
- Memberikan keyakinan tentang kredibiliti suruhanjaya untuk menjalankan tugas dengan cekap dan memastikan kualiti pekerjaan yang tinggi.
 - Memastikan kesaksamaan dalam pelantikan ke jawatan tetap, pengesahan, pertukaran, menjalankan kawalan tata tertib, kenaikan pangkat, pencen kakitangan kerajaan
 - Memberikan laporan tahunan kepada YDPA dan salinan laporan kepada Majlis Parlimen

Pesanan:

- Mana-mana jawapan yang sesuai boleh diterima

Bahagian C

1. Perpaduan rakyat teras pembangunan negara. Negara yang rakyatnya berpecah belah sukar mencapai keharmonian sosial. Bincangkan kepentingan perpaduan rakyat dalam abad ke-21 dan langkah-langkah untuk mencapai perpaduan.

Skema Jawapan:

<i>Isi Utama</i>	<i>Huraian</i>
KEPENTINGAN PERPADUAN RAKYAT	
1. Perpaduan membolehkan pembangunan negara berjalan lancar.	<ul style="list-style-type: none">• Perpaduan dapat mewujudkan kestabilan politik dan sosial.• Ini boleh menarik pelaburan asing• Ekonomi yang meningkat memakmurkan negara.
2. Membolehkan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sentosa.	<ul style="list-style-type: none">• Tanpa keamanan, rakyat hidup dalam ketakutan.• Contohnya di Indonesia, rakyat pelbagai keturunan bermusuhan. Ketika kegawatan ekonomi, rakyat keturunan Cina menjadi mangsa.• Peristiwa 13 Mei 1969 juga menjejaskan keamanan Malaysia.• Jadi, perpaduan memang penting untuk mencapai keamanan.
3. Perpaduan rakyat dapat menjamin kedaulatan bangsa dan negara.	<ul style="list-style-type: none">• Tanpa, perpaduan, sesuatu bangsa akan mudah diperalat oleh bangsa asing, malah mudah dijajah oleh bangsa asing.• Misalnya di Afghanistan, pihak yang mahu menang sanggup diperkuda oleh Rusia. Akibatnya, mereka tunduk kepada kehendak Rusia.• Dengan wujudnya perpaduan, sesebuah bangsa tidak akan diperkotak-katikkan oleh bangsa lain.
4. Perpaduan rakyat penting bagi mengatasi masalah sosial.	<ul style="list-style-type: none">• Kadar jenayah yang semakin meningkat memerlukan kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa bagi mengurangkannya.• Masalah sosial seperti kes jenayah tidak harus dipikul oleh satu pihak sahaja.
5. Perpaduan penting bagi menaikkan imej sesebuah negara.	<ul style="list-style-type: none">• Tiadanya perpaduan di Afrika Selatan telah mencemarkan imej negara itu.• Begitu juga rusuhan kaum di Amerika Syarikat telah mencemarkan imej negara itu.• Di Malaysia, perpaduan kaum dikagumi oleh masyarakat dunia.

LANGKAH-LANGKAH MENCAPAI PERPADUAN

6. Jurang perbezaan ekonomi dan budaya antara kaum harus dihapuskan.	<ul style="list-style-type: none">• Pengagihan kekayaan yang adil dapat memupuk perpaduan rakyat. Satu identiti bangsa juga penting.• Menyedari kepentingan ini, kerajaan Malaysia melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.• Prasangka dan rasa tidak puas hati dapat dikurangkan.• Dasar-dasar ini didapati amat membantu dalam menyatupadukan rakyat pelbagai kaum
7. Sistem pendidikan juga penting untuk mencapai perpaduan.	<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti kurikulum dan kokurikulum dapat memupuk nilai-nilai positif.• Sukatan pelajaran yang menitikkan semangat kerjasama dan patriotik membantu menyemai sikap toleransi dan hormat-menghormati antara kaum - (Peranan sekolah dan guru)• Langkah ini mengeratkan perpaduan rakyat lagi.
8. Penggunaan satu bahasa juga dapat memupuk perpaduan.	<ul style="list-style-type: none">• Hal ini demikian kerana pengetahuan dan penggunaan satu bahasa membolehkan setiap rakyat dalam sesebuah negara berkomunikasi sesama sendiri. Oleh itu, perselisihan faham dapat dielakkan.• Dengan penggunaan satu bahasa, setiap kaum dapat mengenali adat resam kaum-kaum yang lain serta bekerjasama bagi membangunkan negara• Sebagai bukti, penggunaan Bahasa Malaysia telah dapat menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.
9. Peranan institusi keluarga / ibu bapa	<ul style="list-style-type: none">• Berperanan menyemai nilai-nilai positif, sifat toleransi dan hormat-menghormati di dalam diri anak-anak. – “Lentur buluh dari rebung”.• Kanak-kanak yang terdidik dengan nilai-nilai ini sejak dari kecil pasti tidak berasa kekok untuk bergaul dengan bangsa atau kaum lain apabila dewasa kelak. Ini akan membantu pemupukan perpaduan dengan lebih cepat dan berkesan.
10. Peranan media massa / kempen	<ul style="list-style-type: none">• Media cetak dan elektronik perlu menjalankan fungsi mendidik masyarakat, dengan memaparkan maklumat yang berkaitan perpaduan.
11. Peranan badan-badan bukan kerajaan (NGO) / swasta / korporat	<ul style="list-style-type: none">• Berganding bahu dengan kerajaan.• Menyumbang dari segi tenaga dan idea ke arah pemupukan perpaduan.

12. Aktiviti atau program yang boleh memupuk perpaduan diada atau digiatkan	<ul style="list-style-type: none"> • Program Khidmat Negara • Sukan • Gotong royong • Rumah terbuka hari perayaan
--	---

Nota : Mana-mana 5 idea

2+3 atau 3+2

2. Kejuruteraan genetik kini mampu menghasilkan baka yang lebih baik serta meningkatkan produktiviti dalam bidang pertanian. Jelaskan bagaimana manusia dapat memanfaatkan teknologi ini.

Skema Jawapan:

Isi Utama	Huraian
1. Merevolusikan bidang pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan baka-baka tanaman yang baik dan berkualiti; tempoh matang yang lebih cepat; hasil keluaran tinggi, tahan penyakit. • Contoh, betik eksotik oleh MARDI, minyak kelapa sawit yang monotepu oleh PORIM. • Kaedah kultur tisu dan mutasi aruhan menghasilkan baka tanaman dan mempercepatkan pembiakan tanaman – meningkatkan produktiviti pertanian.
2. Bidang penternakan	<ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan vaksin, antibodi, hormon pertumbuhan secara besar-besaran untuk meningkatkan kualiti penternakan. • Contoh, gen yang diperlukan untuk menghasilkan hormon pertumbuhan Bovine telah disisipkan dalam bakteria untuk tujuan meningkatkan kualiti susu lembu. • Biri-biri Dolly telah dihasilkan melalui pengklonan.
3. Meningkatkan taraf kesihatan manusia / perubatan	<ul style="list-style-type: none"> • Genetik seseorang boleh diubahsuai untuk mengelakkan warisan yang berpenyakit genetik. • Teknologi genetik membolehkan pengubahsuaian maklumat pada kromosom dalam gen induk. • Penyakit-penyakit seperti kanser, leukemia, Parkinson, hemofilia dan diabetes yang tidak ada penawar pada masa ini akan dapat diatasi. • Mengelakkan kelahiran bayi cacat kerana genetik embrio dapat dikenalpasti.

4. Membantu dalam bidang forensik	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu usaha pengenalan diri seseorang • Membantu pihak forensik dan polis untuk mengenalpasti identiti mangsa kemalangan maut dan kes-kes jenayah melalui ujian DNA ke atas tisu, rambut dan tulang mayat. • Ujian DNA juga boleh dilakukan untuk mengenalpasti penjenayah dan perogol supaya lebih mudah untuk mendapatkan bukti bagi mensabitkan kesalahan jenayah.
5. Mengatasi masalah pencemaran	<ul style="list-style-type: none"> • Mikrob dalam rawatan air kumbahan digunakan untuk mempercepatkan proses rawatan air kumbahan perumahan dan efluen kilang - kurangkan jangkitan dan mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar. • Contoh, enzim lipase yang dapat mencernakan molekul minyak digunakan untuk membersihkan tumpahan minyak di laut.
6. Merevolusikan bidang industri	<ul style="list-style-type: none"> • Industri makanan – jus buah-buahan melalui penapaian menghasilkan bir dan arak, hasil tenusu dapat diawetkan. • Industri pembuatan – industri tekstil, enzim dapat mengeluarkan kanji untuk memelihara benang.

Nota : *Mana-mana 5 idea*

3. Kejadian jenayah kejam semakin membimbangkan masyarakat di negara ini. Huraikan punca-punca penularan jenayah kejam ini dan apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menghentikannya.

Skema Jawapan:

Kejadian jenayah kejam semakin menular sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kejadian jenayah kejam dikaitkan dengan pembunuhan, rogol dan bunuh, peras ugut dan samun.

<i>Isi Utama</i>	<i>Huraian</i>
<i>PUNCA-PUNCA JENAYAH KEJAM</i>	
1. Keruntuhan akhlak atau moral	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi muda hilangnya pegangan hidup sanggup melakukan jenayah kejam untuk memenuhi tuntutan nafsu dan masalah kewangan. • Tanpa didikan agama dan moral, manusia gagal membuat keputusan rasional dan membezakan baik buruknya tindakan sedemikian
2. Kemasukan pendatang asing yang ramai	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kemasukan pendatang tanpa izin seperti pendatang Indonesia, Filipina dan Bangladesh yang

	<p>tidak terkawal.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendatang asing yang menganggur sanggup melakukan jenayah kejam seperti membunuh, memeras ugut, samun, dan merompak untuk meneruskan kehidupan.
3. Pengaruh media massa yang negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Rancangan/program yang berunsur keganasan seperti cara merompak, penggunaan senjata api, merogol menjadi ikutan golongan yang bermasalah.
4. Faktor kemiskinan dan himpitan sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan yang menganggur ditambahkan lagi dengan factor kegawatan ekonomi mendorong kegiatan keganasan.
5. Hukuman yang ringan	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman yang dikenakan tidak menakutkan pesalah. • Ia juga memberi pengajaran kepada masyarakat supaya tidak terbabat dengan jenayah seperti ini.
<i>LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN</i>	
6. Mengetatkan undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman yang lebih berat seperti penjara seumur hidup dan hukuman mati untuk kejadian keganasan yang serius. • Rondaan yang lebih kerap oleh pihak polis di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.
7. Peranan ibu bapa dalam membentuk individu yang cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan individu yang terlibat dalam jenayah memiliki latar belakang keluarga dan watak yang goyah dan tidak ampu. • Harus membentuk keluarga yang harmoni, mesra dan gembira • Memupuk nilai-nilai murni dan kasih sayang; memberi didikan agama dan moral yang efektif; menjadi teladan yang baik.
8. Meningkatkan kesedaran orang ramai	<ul style="list-style-type: none"> • Program pendidikan pencegahan jenayah • Kempen kesedaran melalui media massa – mengingatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati dan berwaspada sepanjang masa. • Peranan orang ramai bekerjasama dengan pihak polis; komuniti saling membantu untuk mencegah perbuatan jenayah.
9. Pelancaran dasar-dasar awam dan peranan NGO	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar-dasar sosioekonomi kerajaan dan kerjasama pihak NGO mampu meningkatkan tahap kejayaan dalam usaha membanteras jenayah. • Pelaksanaan dasar-dasar seperti Dasar Pembangunan

	<p>Nasional dan Masyarakat Penyayang mampu meningkatkan taraf hidup rakyat – tingkatkan peluang pekerjaan – kurangkan masalah jenayah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program kemasyarakatan oleh pihak NGO dapat meningkatkan semangat kejiwaan, kesukarelawan dan kekitaan – kurangkan kes jenayah.
<p>10. Memasang alat-alat atau kemudahan keselamatan sebagai langkah pencegahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memasang pagar, monitor video, infrakeceemasan, penggera perompak di pejabat atau di rumah. • Pengawal-pengawal keselamatan yang terlatih diadakan. • Peranan pasukan sukarela seperti Rukun Tetangga.

Nota: Mana-mana 5 idea

2+3 atau 3+2